

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harian Metro
Date	3 October 2015

m,1hw1M

Malaysia membuka pintu kepada 3,000 pelarian Syria dalam tempoh tiga tahun akan datang bagi membantu meringankan krisis pelarian. kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata negara Islam sebahagiannya bertanggungjawab memastikan kesejahteraan orang Syria yang terpinggir melarikan diri dari negara mereka dengan jumlah yang besar sehingga mengakibatkan tekanan ekonomi dan sosial di Eropah.

"Sebab itu Malaysia selama ini mengambil ramai orang yang melarikan diri daripada peperangan, kebuluran dan penganiayaan. Kini kami mempunyai ratusan ribu migran dan kami mengambil lebih ramai awai tahun ini apabila terdapat krisis kemanusiaan di laut Andaman." katanya pada sesi ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) di sini, Khamis.

Pengumuman oleh Najib berhubung kesediaan untuk menerima pelarian Syria itu disambut tepukan gemuruh audien.

Dilaporkan sejak empat tahun lalu, empat juta pelarian Syria melarikan diri ke negara jiran dan bergehumang dalam kancah kemiskinan.

Najib berkata, penyelesaian antarabangsa yang baharu diperlukan bagi menangani krisis migrasi.

Katanya, kita mesti menghormati nilai kemanusiaan bersama dan isu berjuta-juta rakyat Syria melarikan diri



dari negara mereka harus menjadi kebimbangan dan perhatian dunia.

"Hanya apabila kita melangkah ke batas bangsa dan anutan, hanya apabila kita melihat gambar-gambar migran yang terdesak, mangsa ekstremis dan mereka yang hidup diselubungi kebuluran dan kemiskinan - dan melihat me-

reka bukan sebagai orang asing tetapi sebagai saudara kita.

"Apabila kita melihat gambar memilikkan jasad Aylan Kurdi berusia tiga tahun yang terdampar di pantai dan merasakan seolah-olah anak kita sendiri dalam wajah kanak-kanak lelaki tidak berdosa itu, maka kita akan bertindak untuk

berbuat lebih baik

"Orang di seluruh dunia merayu bantuan kita. Kita tidak boleh - tidak akan membiarkannya sahaja," kata Najib.

Perdana Menteri turut mengulangi kekecewaan Malaysia terhadap kegagalan PBB menerima pakai resolusi menubuhkan sebuah tribunal antarabangsa untuk me-

nyiasat insiden menembak jatuh pesawat Malaysia Airlines MH17 kerana kuasa veto dikenakan.

"Kami akan terus menuntut keadilan menerusi opsi undang-undang lain kerana kami bertanggungjawab terhadap keluarga mangsa yang terkorban dalam kejadian jenayah yang kejam ini," katanya.

Pada 29 Julai lalu, Russia menggunakan kuasa veto untuk menghalang cadangan lima negara yang dirintis Malaysia untuk menubuhkan tribunal jenayah antarabangsa sementara untuk membicarakan mereka yang bertanggungjawab menembak jatuh penerbangan MH17 tahun lalu. BERNA MA